

Anugerah Guru Arif Budiman 2018

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) 2018 dianjurkan bersama oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM), Berita Harian (BH) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC). Anugerah ini mengiktiraf sumbangan guru-guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Anugerah

Empat orang pemenang akan dipilih untuk menerima anugerah ini. Setiap anugerah berbentuk sebuah trofi, sijil pencapaian dan anugerah pembangunan profesional.

Pencalonan

AGAB 2018 terbuka kepada semua guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah-sekolah arus utama di Singapura. Pencalonan untuk anugerah pada tahun 2018 berdasarkan kelakonan dan khidmat bagi tahun 2016 dan 2017. Calon-calon akan dinilai berdasarkan ciri-ciri berikut:

- keupayaan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa, kesusasteraan dan budaya Melayu;
- dedikasi dan ketekalan dalam mencapai kecemerlangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam dan di luar bilik darjah;
- kepekaan dan keprihatinan terhadap kebajikan pelajar; dan
- cerminan nilai 'Arif Budiman'¹ melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.

Borang pencalonan boleh dimuat turun dari lelaman berikut:

www.mbms.sg

www.mllpc.sg

www.beritaharian.sg

Borang yang lengkap boleh dihantar di dalam sampul surat ke sekolah atau terus ke alamat berikut:

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2018
Sekretariat,
Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu
c/o Bahagian Perancangan & Pembangunan Kurikulum 1
Aras 12, Menara Pejabat MOE
Kementerian Pendidikan
1 North Buona Vista Drive
Singapura 138675

Pencalonan boleh dilakukan melalui pautan ini: <http://www.tinyurl.com/AGAB-2018>

Tarikh tutup pencalonan ialah pada **26 April 2018**.



¹ 'Arif dan Budiman' bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan mempamerkan sikap berbudi bahasa, berbudi bicara serta sentiasa bersedia menabur budi.



Berita Harian



Anugerah Guru Arif Budiman 2018

BORANG PENCALONAN

CALON

Dr Tuan Puan Cik

Nama Penuh : _____

Nama Sekolah : _____

Rendah Menengah Maktab Rendah/ Institusi Pusat

DICALON OLEH

Dr Tuan Puan

Nama Penuh: _____

Pekerjaan : _____

Alamat: _____

_____ Poskod (_____)

E-mel: _____

Telefon: _____ (*bimbit*) _____ (*rumah*) _____ (*pejabat*)

HUBUNGAN DENGAN CALON

Penyelia Rakan Kerja Pelajar Ibu Bapa Bekas Pelajar

Pelajar (Sekiranya ini pencalonan kelas, sila nyatakan Kelas _____ & Tahun _____)

Lain-lain (sila nyatakan _____)

SEBAB PENCALONAN

Dengan menggunakan **sekitar 100 patah perkataan**, nyatakan sebab calon ini layak menerima anugerah tersebut. Berikan bukti, contoh atau penjelasan lanjut tentang perkara-perkara yang telah dilakukan oleh calon untuk menyokong pencalonan anda. Lampirkan kertas tambahan (jika perlu).

Tandatangan: _____

Tarikh: _____



Berita Harian

